

Mangsa banjir dipindah

**20,475**

Johor Bahru

**15,717**

Kluang

**15,607**

Batu Pahat

**10,797**

Kota Tinggi

**6,075**

Segamat

**3,178**

Mersing



TENGCELAM: Mangsa banjir dibawa dengan bot melalui kawasan menara jam Dataran Kota di Kota Tinggi untuk dipindahkan semalam.

# Air banjir bawa penyakit

## Dua meninggal kena jangkitan 'Leptospirosis'

Oleh Johan Afandi

**J**OHOR BAHRU: Mangsa banjir di negeri ini, kini menghadapi ancaman penyakit dikenali sebagai *Leptospirosis* yang disebarkan melalui air kencing tikus, apabila dua kematian dilaporkan dipercayai akibat penyakit itu. Dua lelaki dewasa berusia lingkungan 40-an dan lewat 60-an itu meninggal dunia pada 6 dan 8 Januari lalu, di Kangkar Tebrau dan Kampung Seri Purnama, di sini. Berikutan itu, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman mahu semua mangsa banjir serta petugas di pusat pemindahan sementara menitikberatkan kebersihan dan mendapatkan suntikan pelalian dengan segera. Beliau juga mengarahkan me-

reka yang menyediakan makanan di pusat pemindahan mendapatkan suntikan kepalu secara percuma yang disediakan Jabatan Kesihatan negeri. Gelombang kedua banjir yang melanda Johor mulai kelmarin, bertambah buruk semalam apabila kira-kira 69,748 penduduk daripada 16,138 keluarga dipindahkan ke 273 pusat penempatan di semua lapan daerah sehingga jam 8 malam. Serentak itu, semua agensi kerajaan pusat dan negeri diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga selepas bandar Kota Tinggi ditenggelami air sekali lagi, dengan operasi menyelamat dan memindahkan mangsa banjir giat dijalankan.



TERKANDAS: Mangsa banjir menunggu di atas jambatan untuk dipindahkan selepas paras air di Sungai Johor naik sehingga paras bahaya petang semalam.

# Banjir dijangka bertambah buruk

BH 14/1

## DARI MUKA 1

Keadaan itu dijangka kekal sehingga akhir minggu depan berikutan hujan monsun sederhana yang diramalkan turun berterusan mulai Isnin sehingga Rabu ini.

Jabatan Meteorologi dalam kenyataannya berkata, keadaan banjir di utara Johor, terutama di daerah Segamat dan Muar, dijangka bertambah buruk berikutan keadaan hujan lebat tanpa henti di kawasan itu sejak dua hari lalu.

Hujan monsun lebat dibawa Monsun Timur Laut yang masih aktif dijangka turut membabitkan Pahang dan Terengganu Selatan.

Ketika ditemui selepas mengadakan lawatan mengejut ke pusat pemindahan sementara sekitar bandar raya ini, dengan diiringi Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Latiff Yusof, Abdul Ghani berkata, bakteria '*Leptospirosis*' yang disebarkan melalui air kencing tikus bercampur banjir itu, mudah menjangkiti luka pada tubuh manusia.

"Dalam tempoh selepas banjir kali pertama pada 6 dan 8 Januari lalu, saya menerima laporan dua kes kematian akibat penyakit sama," katanya.

Beliau berkata, ada kemungkinan kedua-dua mangsa itu mempunyai luka di kaki atau badan mereka ketika pulang ke rumah masing-masing selepas air mulai surut dengan berjalan mengharung lopak air tanpa menyedari air kencing tikus bercampur dengannya.

"Mangsa yang terkena wabak ini, mengalami demam, cirit birit serta sesak nafas dan akan membawa kematian jika tidak mendapatkan rawatan perubatan dengan segera," katanya.

Sehubungan itu, Abdul Ghani mahu mangsa banjir yang mempunyai tanda awal wabak berkenaan supaya segera ke klinik atau hospital bagi mengelakkan komplikasi lebih serius.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Ramlee Rahmat, berkata pihaknya akan lebih kerap melakukan lawatan berjadual di semua pusat pemindahan dan rumah mangsa banjir bagi mengelakkan wabak penyakit berjangkit.

"Dalam keadaan banjir seperti ini, bakteria *Leptospirosis* memang ada terutama dalam air yang tercemar. Selalunya, ia menjangkiti manusia jika luka dibasahi air tercemar itu," katanya ketika dihubungi di Indonesia, semalam.

Sebelum ini, Kementerian Kesihatan sudah mengarahkan 1,400 anggotanya mengadakan lawatan berjadual di semua pusat pemindahan dan rumah mangsa banjir bagi memantau keadaan.

## INFO

### Leptospirosis

- Leptospirosis adalah sejenis penyakit yang membabitkan bakteria yang dikenali *Leptospira* dan disebarkan melalui air kencing tikus.
- Pada peringkat awal, mereka yang dijangkiti bakteria itu mungkin dianggap selesema kerana tanda awal penyakit itu seperti demam, sejuk, sakit kepala, sakit otot dan batuk.
- Tanda awal penyakit mengambil masa 10 hari untuk dikesan dan dalam tempoh dua minggu, ia boleh menyebabkan penyakit kuning, meningitis serta komplikasi buah pinggang dan hati sehingga menyebabkan kematian.
- Penyakit itu mudah merebak dan boleh berjangkit melalui air yang tercemar selepas banjir.